

## KETERANGAN AM PERMOHONAN MESIN

### PROGRAM PENINGKATAN KAPASITI PENGELUARAN DI KILANG KERJA KAYU SME BUMIPUTERA TAHUN 2019

Program Peningkatan Kapasiti Pengeluaran Di Kilang Kerja Kayu SME Bumiputera adalah merupakan satu program di bawah Rancangan Malaysia (RMK). Objektif program ini adalah untuk meningkatkan keupayaan kapasiti pengeluaran di kilang kerja kayu SME Bumiputera dengan penggunaan mesin automasi yang bersesuaian.

Antara skop program ini ialah pembelian mesin kerja kayu yang mana perolehan mesin akan dilakukan oleh MTIB mengikut keperluan kilang kerja kayu SME Bumiputera. Pemilihan kilang ini akan dilakukan oleh MTIB melalui proses penilaian ke atas keupayaan syarikat dan mematuhi syarat-syarat permohonan. Penilaian akan dibuat di kilang SME Bumiputera dan satu sesi temuduga terhadap syarikat yang berjaya.

Tempoh program adalah selama **6 (4 + 2)** tahun di mana mesin-mesin yang diberi penggunaan secara pinjaman kepada usahawan Bumiputera yang berjaya. Jenis perolehan mesin adalah **MESIN UNTUK KEGUNAAN PENGELUARAN PRODUK KAYU SAHAJA.**

Syarikat yang berjaya dalam pemilihan ini dikehendakki:-

1. Memeterai satu perjanjian di antara syarikat dan MTIB
2. Menetapkan sasaran **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** syarikat yang dipersetujui bersama MTIB iaitu taraf bintang **SCORE** sekurang-kurangnya mendapat taraf **DUA (2)** bintang dan mencapai prestasi jualan sekurang-kurangnya 50% sebelum menyertai program ini. Walau bagaimanapun, bagi syarikat yang gagal mencapai sasaran KPI yang ditetapkan, mesin yang diberipinjam akan ditarik balik oleh MTIB.

3. Membayar **CAGARAN sebanyak 5%** iaitu daripada jumlah harga anggaran mesin yang dipinjamkan serta membayar polisi insurans mesin. Bayaran cagaran ini tidak akan dikembalikan sekiranya syarikat gagal dalam mencapai KPI yang disasarkan.
4. Mengikuti bimbingan dan khidmat nasihat yang akan diberikan oleh MTIB kepada peserta program dari masa ke semasa dalam memastikan KPI yang dipersetujui bersama dicapai

### **SYARAT- SYARAT PERMOHONAN MESIN**

- i. Syarikat hendaklah berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan bertaraf Sendirian Berhad;
- ii. 75% ekuiti pemilikan syarikat adalah Bumiputera;
- iii. Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar minima sebanyak RM100 ribu;
- iv. Syarikat telah beroperasi dalam industri berasaskan kayu sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun;
- v. Mempunyai kemudahan kilang dengan keluasan sekurang-kurangnya 2,500 kaki persegi samada hakmilik sendiri atau sewa;
- vi. Mempunyai fasiliti asas dalam pengeluaran produk kayu dan keluaran kayu samada kemudahan mesin dan tenaga kerja;
- vii. Kilang hendaklah mempunyai status tanah industri atau mempunyai lesen dari **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**;
- viii. Syarikat hendaklah mendapat penarafan bintang **SCORE** (2 bintang ke atas);
- ix. Memajukan satu salinan pelan perancangan perniagaan untuk tempoh **LIMA (5)** tahun ke hadapan.